

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 3 OKTOBER 2022, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 29

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1453-L17379
Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senario cabaran ekonomi dalam dan luar negara dan apakah tindakan Kerajaan menanganinya demi menjaga kebajikan serta kesejahteraan rakyat Keluarga Malaysia.

2. PR-1453-L17189
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perangkaan terkini butiran kategori pendapatan berkenaan isi rumah mengikut kategori B40, M40, T20 menurut pecahan tahun 2019, 2020, 2021 dan 2022.

3. PR-1453-L17639
Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah di seluruh negara bagi menghadapi kemungkinan bencana banjir pada hujung tahun ini.

4. PR-1453-L17240
Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan jangkaan tarikh siap projek Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi - Ulu Kelang (SUKE), Lebuh Raya Bertingkat Damansara - Shah Alam (DASH), Lebuh Raya Bertingkat Setiawangsa - Pantai (SPE) dan Lebuh Raya Lembah Klang Timur (EKVE) serta senaraikan kadar tol yang akan dikenakan kepada semua jenis kelas kenderaan.

5. PR-1453-L17275
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan sama ada Kementerian telah melakukan pengemaskinian prosedur dalam penganugerahan kontrak pembinaan kepada sesebuah syarikat yang akan bertanggungjawab membina aset pertahanan negara yang bernilai tinggi lanjutan daripada isu skandal kapal tempur pesisir (LCS).
6. PR-1453-L17777
Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kota Raja] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Malaysia kekal dengan Dasar Negara Berkecuali sebagaimana diamalkan sejak zaman Tun Abdul Razak dan apakah sikap Malaysia terhadap usaha bersama Australia, United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (US) untuk mewujudkan *Nuclear Powered Submarine* (AUKUS) di Australia yang melibatkan rantau ini.
7. PR-1453-L17670
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan komitmen Kementerian untuk memastikan liputan jalur lebar yang menyeluruh dan stabil di kawasan-kawasan pedalaman Sarawak dapat direalisasikan.
8. PR-1453-L17011
Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan persediaan negara dalam mendepani peluasan '*Trade Protectionism*' di peringkat global yang akan memberikan kesan besar ke atas inflasi dan kos sara hidup rakyat.
9. PR-1453-L17173
Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan selain daripada mengembalikan 35 peratus kerusi Parlimen (Dewan Rakyat) di Sabah dan Sarawak, adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan jumlah wakil Senator (Dewan Negara) dari Sabah dan Sarawak agar ianya lebih menyeluruh dan mencerminkan semangat Perjanjian Malaysia 1963.
10. PR-1453-L16732
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan persiapan Kementerian bagi menghadapi bencana banjir yang dijangka melanda Kuala Lumpur pada akhir tahun 2022 dan apakah pengajaran yang diambil dari kes banjir 2021.

11. PR-1453-L16679
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap seorang wanita yang melakukan ibadah umrah dengan berpakaian ihram seperti yang tular baru-baru ini. Apakah tindakan agar perkara ini tidak menjadi ikutan oleh pihak lain sehingga membawa nama buruk kepada Malaysia.

12. PR-1453-L17096
Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penambahbaikan yang akan Suruhanjaya Pilihan Raya lakukan untuk memastikan peratusan pengundi yang keluar mengundi yang tinggi serta menjamin ketelusan proses mengundi pada Pilihan Raya Ke-15 dan seterusnya. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengelak dari berlakunya penyelewengan ketika mengundi.

13. PR-1453-L17706
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) persediaan Kerajaan dalam menangani bencana banjir pada akhir tahun; dan
 - (b) langkah-langkah pihak Kerajaan untuk mengatasi kejadian banjir kilat yang kerap kali berulang di seluruh negara.

14. PR-1453-L17062
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menjadikan pekerja kontrak pembersihan sekolah dan hospital sebagai kakitangan Kerajaan sepertimana yang wujud sebelum perkhidmatan pembersihan diwastakan.

15. PR-1453-L16787
Tan Sri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam menangani isu diancam projek-projek terbengkalai akibat kenaikan kos bahan mentah dan import serta kekurangan tenaga buruh asing.

16. PR-1453-L17265
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sama ada Amerika Syarikat menjemput Malaysia untuk menyertai program Artemis serta pendirian Kerajaan mengenai program Artemis ini.

17. PR-1453-L17043
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar dan pendekatan yang dirancang untuk terus memperkasakan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) bagi memacu pertumbuhan ekonomi setiap negeri. Perincian apakah projek/program yang telah dilaksanakan/dirancang berserta kos bagi setiap negeri sejak 2018 hingga 2023.
18. PR-1453-L17160
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan projek-projek pembinaan dan kontrak besar yang berjaya dilaksanakan untuk manfaat anggota tentera dan keselamatan negara sejak 10 tahun kebelakangan ini. Senarai diperlukan untuk mengimbangi persepsi negatif berhubung isu LCS.
19. PR-1453-L17000
Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan tindakan yang dilakukan oleh pihak Kementerian dalam membaik pulih dan menyelenggara jalan raya dari kawasan perkampungan Belau ke Kampung Sinderut di Pos Sinderut di mana jalan raya tersebut didaftarkan di bawah MARRIS serta ianya tidak diselenggara dengan baik.
20. PR-1453-L17118
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan bilakah lampu sepanjang Lebuhraya SPA terutamanya di kawasan Krubong dari Sungai Udang menghala ke Cheng akan dipasang kerana laluan yang gelap telah akan menyebabkan kemalangan jiwa dan menyusahkan penduduk.
21. PR-1453-L17129
Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah program dan inisiatif Kementerian bagi menyediakan latihan serta peluang masyarakat terlibat dalam ekonomi digital serta memacu pertumbuhan ekonomi digital di luar bandar.
22. PR-1453-L17172
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilangan peranti telah diagih di bawah program Peranti Siswa dan kosnya.

23. PR-1453-L17417

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan lanjutan yang diambil Kerajaan terhadap kelemahan dan kecuaiian yang berlaku di dalam pelaksanaan projek perolehan kapal tempur pesisir (LCS) sebagaimana yang didedahkan dan ditimbulkan di dalam laporan PAC dan laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan.

24. PR-1453-L17575

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pengemaskinian sistem eKasih supaya bantuan disalurkan secara efektif kepada individu yang memerlukannya, dan status pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial merentasi Kementerian dan agensi Kerajaan yang mampu membantu Kerajaan dalam penyampaian program sosial secara strategik.

25. PR-1453-L17361

Tuan Wong Chen [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) rancangan Kerajaan secara terperinci dalam pelaksanaan Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 23 termasuk garis masa, pembahagian kerja antara kalangan agensi Kerajaan; dan
- (b) bagaimana UNHCR akan terlibat dan dirunding mengenai dasar ini.

26. PR-1453-L16868

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan keberkesanan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi sejak ditubuhkan pada Jun apabila kadar inflasi IHP dan inflasi makanan naik 4.4% dan 6.9% masing-masing pada Julai berbanding 3.4% dan 6.1% pada Jun 2022. Bolehkah YAB Perdana Menteri ganti menjadi Pengerusi demi meningkatkan komitmen melawan inflasi.

27. PR-1453-L17589

Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh mana kemerosotan rizab antarabangsa dan kemerosotan nilai wang ringgit kini memberi kesan kepada industri berasaskan import dan apakah langkah Kerajaan bagi memastikan industri yang bergantung kepada import akan kekal stabil sehingga penghujung tahun 2023.

28. PR-1453-L16717
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam mengawasi sempadan negara khusus di antara Kalimantan dan Sarawak. Ini kerana ibu kota Indonesia baharu akan berpindah secara berperingkat ke Kalimantan Timur menjelang 2024.
29. PR-1453-L17487
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini respons daripada setiap Kerajaan negeri terhadap undang-undang Anti-Lompat Parti, selepas pindaan Perlembagaan Persekutuan. Senaraikan negeri-negeri yang ada pandangan yang tidak selaras dengan Parlimen atau tidak bersetuju dengan pindaan yang seumpamanya terhadap Perlembagaan Negeri dan alasan-alasan yang diberikan.
30. PR-1453-L17569
Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh [Sri Gading] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan dalam membantu Kontraktor G1, G2 yang terkesan dengan ketidakpastian ekonomi negara serta harga barangan binaan yang tidak menentu ketika ini.
31. PR-1453-L17494
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perkembangan pendekatan "*supply-driven approach*" yang digunakan bagi pelaksanaan inisiatif 5G dalam negara.
32. PR-1453-L17679
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) kesiapsiagaan terperinci Kerajaan, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan agensi-agensi yang berkaitan bagi menghadapi risiko bencana cuaca Monsun Timur Laut di peringkat Persekutuan, negeri serta daerah; dan
 - (b) senarai peralatan dan aset jentera baharu diperuntukkan oleh Kerajaan bagi menghadapi bencana cuaca yang diramalkan.

33. PR-1453-L17211
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan usaha dan tindakan drastik pihak Kerajaan dalam mengatasi isu banjir di laluan utama Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak dan Lebuhraya Pantai Timur sehingga menyebabkan berlaku terputus laluan akibat banjir dan limpahan air sungai di kawasan tersebut hampir setiap tahun.
34. PR-1453-L16943
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan bagi setiap Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia serta kempen-kempen Keluarga Malaysia dari awal permulaan kempen sehingga setakat Ogos 2022.
35. PR-1453-L17459
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap mereka yang ditangkap kerana penyelewengan dana MITRA. Apakah tindakan-tindakan susulan yang telah diambil oleh SPRM terhadap mereka yang terlibat dalam penyelewengan dana MITRA setelah selesai siasatan dilakukan.
36. PR-1453-L17868
Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah terkini yang telah diambil bagi mengatasi kelembapan capaian internet 4G di kawasan luar bandar seperti di Trong, Bukit Gantang dan Matang dalam Parlimen Bukit Gantang.
37. PR-1453-L16836
Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan tindakan yang akan diambil untuk memastikan Jalan Penampang-Kinarut/Papar Old Highway dari Nambazan hingga ke Lok Kawi mendapat kemudahan lampu jalan memandangkan kawasan ini selalu mengalami kemalangan pada waktu malam.
38. PR-1453-L17621
Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan dalam memudahkan proses mengundi (seperti meluaskan sistem undi pos) menjelang PRU akan datang bagi memudahkan pengundi. Sebagai contohnya, pengundi yang bekerja di Sabah/Sarawak untuk pulang mengundi di Semenanjung Malaysia dan *vice versa* atas sebab tiket kapal terbang yang meningkat 2 hingga 3 kali ganda menjelang PRU yang akan datang.

39. PR-1453-L17686

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-

- (a) langkah Kerajaan bagi menarik minat para pelabur untuk membangunkan pusat data serantau khususnya di Malaysia Timur; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan Labuan sebagai sebuah wilayah yang mesra pelaburan digital termasuklah sebagai sebuah pusat data antarabangsa.

40. PR-1453-L17084

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional cadangan Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara menutup pejabat UNHCR di Kuala Lumpur. Adakah cadangan tersebut telah dibincang di peringkat Kabinet mengenai implikasi kepada kedudukan Malaysia di peringkat antarabangsa.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Pengangkutan**
 - * Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2022.

2. **Menteri Pengangkutan**
 - * Rang Undang-Undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2022.

3. **Menteri Pengangkutan**
 - * Rang Undang-Undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2022.

4. **Menteri Alam Sekitar Dan Air**
 - * Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2022.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Memilih Timbalan Yang di-Pertua.**

2. **Menteri Kesihatan** akan mencadangkan :-

“**BAHAWA** Majlis ini mengambil ketetapan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang melalui ketetapan yang dibuat oleh Majlis pada hari Selasa, 2 Ogos 2022 hendaklah meneliti Rang Undang-undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 dan membentangkan suatu penyata yang mengandungi cadangan penambahbaikan kepada rang undang-undang tersebut kepada Dewan ini tidak melebihi tarikh hari pertama persidangan Mesyuarat Ketiga, Penggal Kelima, Parlimen ke-14

“**BAHAWA** Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang memerlukan lebih masa bagi membolehkan Jawatankuasa ini meneliti isu-isu yang menjadi perhatian awam dengan lebih menyeluruh dan mendalam sebelum menyedia dan membentangkan penyatanya kepada Dewan ini; dan

“**BAHAWA** Majlis membuat ketetapan melanjutkan tarikh bagi Jawatankuasa Pilihan Khas ini membentangkan suatu penyata yang mengandungi cadangan penambahbaikan kepada rang undang-undang tersebut kepada Dewan ini tidak lewat daripada hari Khamis, 6 Oktober 2022”.

- | | | | |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 3. | (D.R 33/2022) | Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2022 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 4. | (D.R 34/2022) | Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No. 2) 2022 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 5. | (D.R 17/2022) | Rang Undang-Undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2022 | " |
| | | [Menteri Tenaga dan Sumber Asli] | |
| 6. | (D.R 18/2022) | Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan) 2022 | " |
| | | [Menteri Tenaga dan Sumber Asli] | |

7. (D.R 19/2022) Rang Undang-Undang Akta Pencetakan Teks **Bacaan Kali Yang Kedua**
Al-Qur'an (Pindaan) 2022
[Menteri Dalam Negeri]
8. (D.R 12/2022) Rang Undang-Undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) 2022 "
(Menteri Sumber Manusia)
9. (D.R 29/2022) Rang Undang-Undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022
(Dalam pertimbangan Jawatankuasa Pilihan Khas)
[Menteri Kesihatan]
10. (D.R 30/2022) Rang Undang-Undang Makanan (Pindaan) 2022 "
[Menteri Kesihatan]
11. (D.R 20/2021) Rang Undang-Undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan) 2021 "
[Menteri Kesihatan]
12. **Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]** akan mencadangkan :-
"**BAHAWA** mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara berhubung Perolehan Kapal Peronda Generasi Kedua – Littoral Combatant Ship (LCS) bagi Tentera Laut Diraja Malaysia di bawah Kementerian Pertahanan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini pada 4 Ogos 2022 sebagai Kertas DR. 13 Tahun 2022 hendaklah dibahaskan dan diterima."
13. PR-1453-U(27)216
Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] akan mencadangkan :-
"Bahawa berdasarkan laporan Wall Street Journal, Malaysia telah dilaporkan sebagai negara yang paling korup untuk berniaga di dunia. Laporan media antarabangsa seperti ini telah menjejaskan imej negara dan jika najis rasuah tidak dihapuskan ia bakal menghancurkan masa depan bangsa dan negara. Oleh itu, Dewan Rakyat harus meluluskan satu usul supaya Kerajaan mewujudkan sistem *National Ombudsman* yang berkecuali bagi menyiasat sebarang laporan salah laku, penyelewengan dan salah guna kuasa oleh mana-mana agensi Kerajaan demi memulihkan imej negara dan menjaga integriti sistem perkhidmatan awam yang merupakan tunjang pembangunan negara."
[Perdana Menteri]

14. PR-1453-U(27)217

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut laporan *World Population Review, Crime Rate by Country 2022*, Malaysia telah dilaporkan menduduki tangga keempat paling bawah selepas Afghanistan, Syria dan Bangladesh dengan kadar jenayah sebanyak 57.29 kes di antara 100,000 orang. Laporan di atas telah menjejaskan imej negara dan keyakinan pelabur-pelabur asing terhadap pentadbiran Kerajaan. Oleh itu, Dewan Rakyat harus meluluskan satu usul supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas Membanteras Jenayah diwujudkan segera untuk mengkaji dan mengambil tindakan menyeluruh untuk menjaga keselamatan nyawa dan harta rakyat serta memulihkan imej negara di persada dunia."

[Perdana Menteri]

15. PR-1453-U(27)218

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] akan mencadangkan :-

"Bahawa baru-baru ini, kadar inflasi dan kenaikan harga barang semakin memberi tekanan kepada kehidupan rakyat jelata. Oleh itu, Dewan Rakyat harus meluluskan satu usul supaya satu pelan tindakan produktiviti negara, *National Productivity Plan* perlu disediakan supaya kadar produktiviti makanan, tanaman dan ternakan dalam negara ini mencapai tahap *self-sufficient* untuk memperbaiki kedudukan negara dalam World Food Security Index yang sudah jatuh ke tangga-44 dan tidak lagi bergantung kepada makanan import yang kini sudah mencecah jumlah wang RM55.5 bilion setahun."

[Menteri Pertanian Dan Industri Makanan]

16. PR-1453-U(27)219

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat mengambil maklum kedudukan negara dalam World Transparency Index telah merosot dari tangga ke-51 pada tahun 2019 ke tangga-62 pada tahun 2021. Demi mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, telus dan berintegriti, Dewan Rakyat dengan ini hendaklah meluluskan satu usul supaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diletak di bawah Parlimen dan dipertanggung jawab terhadap Dewan Rakyat mulai tahun 2023."

[Perdana Menteri]

17. PR-1453-U(27)220

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] akan mencadangkan :-

"Bahawa demi memperkasakan sistem demokrasi berparlimen negara kita, Dewan Rakyat hendaklah meluluskan satu usul untuk Kerajaan mengemukakan pindaan Perlembagaan Persekutuan supaya satu tempoh serta tarikh baru yang jelas untuk Pilihan Raya Umum ditetapkan selepas pembubaran Dewan Rakyat. Sistem tempoh Parlimen tetap (*fixed term parliament*) akan mencegah spekulasi yang tidak sihat dan membantu kestabilan politik negara."

[Perdana Menteri]

18. PR-1453-U(27)221

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat hendaklah meluluskan usul supaya Kerajaan pinda Perlembagaan Persekutuan untuk mengehadkan tempoh jawatan Perdana Menteri tidak melebihi dua penggal atau sepuluh tahun."

[Perdana Menteri]

19. PR-1453-U(27)222

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat hendaklah meluluskan satu usul supaya Sijil Peperiksaan UEC (*United Examination Certificate*) yang telah diiktiraf di peringkat antarabangsa oleh lebih 1,200 buah universiti atau institusi pengajian tinggi terkenal dunia diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan. Pengiktirafan ini adalah berdasarkan kepada pencapaian akademik sijil UEC yang telah mula dilaksanakan sejak tahun 1975."

[Menteri Kanan Pendidikan]

20. PR-1453-U(27)223

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat hendaklah meluluskan satu usul supaya forensik audit dijalankan ke atas setiap projek Kerajaan yang menjadi *Gajah Putih* atau *White Elephant* demi mengelakkan pembaziran dana awam serta memperkasakan budaya ketelusan dan akauntabiliti."

[Perdana Menteri]

21. PR-1453-U(27)224

Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat hendaklah meluluskan satu usul mengkehendaki Kerajaan meminda Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan supaya anak-anak yang dilahir oleh ibu warganegara Malaysia di luar negara diberi kewarganegaraan sama seperti anak-anak yang dilahirkan oleh ayah warganegara Malaysia. Pindaan ini adalah amat wajar selaras dengan prinsip hak kesamarataan seperti yang dinyatakan dalam Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan."

[Perdana Menteri]

22. PR-1453-U(27)215

Tuan Wong Chen [Subang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Perdana Menteri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Jaminan Makanan Negara untuk mengadakan satu persidangan khas semasa takwim Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Parlimen Keempat Belas ini untuk membentangkan kepada Dewan ini langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan dalam usaha menangani isu bekalan makanan disebabkan oleh perubahan iklim seperti yang diadu oleh pengeluar makanan pelbagai sektor dalam Memorandum yang diserahkan kepada Perdana Menteri pada 26 Julai 2022. Dewan ini juga haruslah diperuntukkan masa yang mencukupi dalam persidangan khas ini untuk perbahasan mengenai jaminan makanan supaya Ahli Dewan Rakyat diberikan peluang untuk berkongsi pandangan dan syor-syor mereka terhadap langkah-langkah yang dicadangkan oleh Kerajaan dalam menangani isu ini. "

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2022</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR. 17	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Parlimen Malaysia Terhadap Tindakan Susulan Kementerian Kewangan Malaysia Dan Bank Negara Malaysia Bagi Syor-Syor Laporan PAC Parlimen Berhubung Perolehan Tanah Lot 41	3 Oktober 2022
ST. 97	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) Bagi Tahun 2020	3 Oktober 2022
ST. 166	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tahun 2020	3 Oktober 2022
ST. 172	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Malaysia Bagi Tahun 2019	3 Oktober 2022
ST. 173	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) Bagi Tahun 2020	3 Oktober 2022
ST. 175	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran Bagi Tahun 2020	3 Oktober 2022
ST. 176	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) Bagi Tahun 2020	3 Oktober 2022

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 03.10.2022 (Isnin)	1. YB Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)	1. Jejambat Lalu Lintas Diperlukan untuk Persimpangan Bulatan Batu 7	1. YB Menteri Kanan Kerja Raya
2. 03.10.2022 (Isnin)	2. YB Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (Batu Gajah)	2. Hubungan Kerjasama Malaysia-India	2. YB Menteri Luar Negeri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**